



## "SABAR ANUGERAH TERINDAH"

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ  
وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيكُمْ  
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa, mengamalkan syariat di segenap sudut kehidupan di samping melaksanakan segala tuntutan perintah Allah dan menghindari segala yang ditegah demi kesejahteraan hidup kita di dunia dan di akhirat. Semoga dengan kesungguhan meningkatkan ketaqwaan, kita akan terus diberi petunjuk, dipimpnin dan dinaungi rahmat dan redha Allah SWT.

## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Kenyataan hidup di dunia yang penuh dengan ujian, musibah dan cabaran sebenarnya menuntut kita semua untuk mempersiapkan diri dengan bekalan yang ampuh iaitu sabar.

Allah SWT telah mengingatkan kita tentang hakikat kehidupan di dunia yang tidak sunyi daripada ujian dan musibah. Saban hari kita juga dihadang dengan pelbagai berita musibah dan ujian yang terpaksa dihadapi oleh ramai manusia di sekeliling kita seperti kekecewaan, kehilangan, kemalangan dan kematian orang yang disayangi. Namun di sana ada janji-janji indah untuk mereka yang berjaya menghadapinya dengan bersabar.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 155 :

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ  
الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ <sup>قُلْ</sup> وَدَشِّرِ الصَّابِرِينَ





*"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar".*


Jelas sekali, Allah SWT telah menetapkan setiap manusia itu pasti diuji dan tidak ada sesiapa yang dapat lari dari kenyataan hidup ini. Namun di sebalik semua ujian ini masih ada berita gembira buat hamba-hamba Allah yang terpilih, iaitu mereka yang mampu bersabar menghadapi keperitan musibah yang menimpa.

Justeru, marilah kita hayati ayat-ayat al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w, agar kita sedar betapa besar hikmah bersabar di sebalik musibah yang datang menguji kita. Antaranya ialah :

**Pertama : Sesungguhnya sabar menganugerahkan kesejahteraan, rahmat dan hidayah.**

Allah SWT menjelaskan kepada kita tentang ujian hidup dan tuntutan bersabar dalam Surah Al-Baqarah ayat 157:

أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ  
وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ





*"Mereka itu ialah orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya; dan mereka itulah orang yang dapat petunjuk hidayah-Nya".*

**Kedua : Sesungguhnya sabar di atas musibah menjanjikan penghapusan dosa**

Rasulullah s.a.w mengingatkan kita tentang hakikat ujian dan musibah yang melanda hidup kita bahawa ia sebenarnya adalah suatu proses pembersihan dosa-dosa kita yang disusun indah oleh Allah SWT. Kita perlu menyedari hakikat ini untuk kuat menghadapi segala musibah dengan sabar dan redha.

Hadis daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda :

مَا يُصِيبُ الْمُؤْمِنَ مِنْ وَصَبٍ وَلَا  
نَصَبٍ وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ وَلَا أَذًى  
وَلَا غَمٍّ حَتَّى الشَّوْكَةُ يُشَاكُهَا إِلَّا  
كَفَرَ اللَّهُ مِنْ خَطَايَاهُ.

*"Tiada seorang mukmin yang ditimpa musibah, samada kepayahan, penyakit, kebimbangan, kesedihan, kesakitan mahupun dukacita sehingga duri yang*



dipijaknya melainkan semua itu pasti akan menjadi sebab Allah menghapuskan dosa-dosanya”.

(Riwayat Ahmad)

**Ketiga : Sesungguhnya ganjaran Pahala tanpa Hisab**

Ini adalah ganjaran hebat yang disediakan bagi orang-orang yang mampu bersabar ketika ditimpa musibah. Firman Allah SWT dalam Surah az-Zumar ayat 10:

قُلْ يٰۤاَعْبَادِ ٱلَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوْا رَبَّكُمْ ج  
لِلَّذِيْنَ اَحْسَنُوْا فِيْ هٰذِهِ ٱلدُّنْيَا حَسَنَةٌ ق  
وَءَرْضُ ٱللّٰهِ وَّاسِعَةٌ ق  
اَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ

“Katakanlah (Wahai Muhammad, akan firman-Ku ini, kepada orang yang berakal sempurna itu): "Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu. (Ingatlah) orang yang berbuat baik di dunia ini akan beroleh kebaikan (yang sebenar di akhirat). Dan (ingatlah) bumi Allah ini luas (untuk berhijrah sekiranya kamu ditindas). Sesungguhnya orang yang bersabarlah sahaja Yang akan disempurnakan pahala mereka Dengan tidak terkira”.



**Keempat : Sesungguhnya orang yang sabar akan mendapat kelayakan untuk tinggal di Syurga**

Kenyataan ini dibuktikan oleh Allah SWT dalam Surah Ar-Ra'd ayat 23 - 24 :

جَنَّتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا وَمَنْ صَلَحَ مِنْ  
ءَابَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ وَالْمَلَائِكَةُ  
يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ بَابٍ ﴿٢٣﴾  
سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى  
الْءَادَارِ ﴿٢٤﴾

*"Iaitu syurga yang kekal, yang mereka akan memasukinya bersama-sama orang yang mengerjakan amal soleh dari ibu bapa mereka dan isteri-isteri mereka serta anak-anak mereka; sedang malaikat-malaikat pula akan masuk kepada mereka dari tiap-tiap pintu, (sambil memberi hormat dengan berkata): "Selamat sejahteralah kamu berpanjangan, disebabkan kesabaran kamu. Maka amatlah baiknya balasan amal kamu di dunia dahulu".*

Ucapan salam sejahtera para malaikat kepada penghuni syurga pada ayat ini jelas menyebut tentang sebab utama yang melayakkan



mereka ditempatkan di syurga, iaitu kesabaran mereka di atas segala kepayahan hidup di dunia ini.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Imam Ibnu Al-Qayyim Al-Jauziah menyatakan bahawa; "Iman terbahagi kepada 2 bahagian, pertama Syukur di atas nikmat dan yang kedua sabar di atas musibah."

Ertinya, iman kita belum dikira sempurna melainkan setelah kita mampu mempersembahkan ketaatan dengan beribadah kepada Allah sebagai tanda syukur, juga setelah kita terbukti mampu bersabar di saat kita diuji dan ditimpa musibah. Apa yang dapat kita lihat, memang ramai di kalangan muslimin hari ini yang mampu beribadah dengan taat, solat berjemaah, bersedekah dan sebagainya namun bila Allah mengujinya dengan kemalangan, kematian orang yang tersayang, kegagalan, kejatuhan dan musibah, mereka gagal untuk kekal menjadi hamba-hamba Allah yang sepatutnya redha dan sabar berhadapan dengan ujian-ujian ini.

Inilah kegagalan yang patut kita sedari dan berwaspada terhadapnya. Jangan sampai kita merasa selamat dengan keupayaan kita melakukan ketaatan beribadat, selagi kita belum diuji dan mampu bersabar di atas ujian tersebut. Bukankah di antara rukun Iman yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w dalam hadis percakapan baginda s.a.w dengan Jibril A.S yang menyatakan, "*Kamu perlu beriman kepada Ketentuan Takdir Allah; yang baik dan yang buruknya.*"

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Sebenarnya, Rasulullah s.a.w pernah mengajarkan kita tindakan yang perlu dilakukan oleh seseorang mukmin bilamana ditimpa musibah.



Imam Muslim meriwayatkan sebuah hadis daripada Ummu Salamah RA, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda :

مَا مِنْ عَبْدٍ تُصِيبُهُ مُصِيبَةٌ فَيَقُولُ "إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا  
إِلَيْهِ رَاجِعُونَ" اللَّهُمَّ أَجْرُنِي فِي مُصِيبَتِي  
وَاخْلُفْنِي خَيْرًا مِنْهَا إِلَّا أَجْرَهُ اللَّهُ فِي مُصِيبَتِهِ  
وَخَلَفَ لَهُ خَيْرًا مِنْهَا.

*"Tiada seorang hamba yang ditimpa musibah lalu dia mengucapkan kalimah { وَإِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ } dan berdoa 'Ya Allah ganjarilah aku pada musibah ini dan gantikanlah untukku sesuatu yang lebih baik darinya', melainkan pasti Allah SWT memberikan ganjaran di atas musibah yang menimpanya dan menggantikan dengan sesuatu yang lebih baik untuknya."*

Kita juga disarankan agar memohon pertolongan daripada Allah untuk terus bersabar dengan bersolat dan berdoa. Imam Ahmad meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w apabila ditimpa kebimbangan dan musibah, baginda akan segera bersolat dan berdoa. Inilah cara yang patut diteladani oleh setiap mukmin bagi membuktikan ketulusan imannya kepada Allah SWT. Berdoa dan memohon daripada Allah yang mentakdirkan musibah dan ujian tersebut adalah tindakan tepat dan laluan sebenar hamba Allah apabila ditimpa ujian. Bahkan ia sejajar dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 45 :





# وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ



*"Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk".*

Begitu besar tuntutan supaya bersabar dan hikmahnya bagi kita. Bahkan kita perlu sedar bahawa sikap memberontak, marah-marah dan menyalahkan orang lain tidak akan mampu mengubah takdir atau mengelakkan kita dari ditimpa musibah. Malahan hilangnya kesabaran apabila diuji boleh menyebabkan kita menanggung dua kerugian. Kerugian pertama adalah kerugian akibat musibah yang dihadapi, sama ada kehilangan, kesedihan, kemalangan atau kematian. Manakala kerugian kedua pula adalah gagal meraih peluang mendapat pahala dan rahmat Allah yang datang bersama musibah tersebut. Renungkanlah hakikat ini dan bertindaklah dengan bijak demi kesejahteraan kita di dunia dan di akhirat.

Sesungguhnya, musibah adalah sesuatu ketentuan hidup di dunia yang perlu dilayani dengan bersabar. Sabar pula adalah suatu anugerah terindah Allah buat kita sebagai hamba-hamba-Nya.

## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Marilah kita renung intisari khutbah Jumaat hari ini, antaranya ialah;



- Pertama : Bahawa ujian dan musibah adalah rencah kehidupan, beruntunglah mereka yang berjaya menghadapinya dengan kesabaran.
- Kedua : Sesungguhnya kemampuan bersabar dalam menghadapi musibah adalah bukti kesempurnaan iman kita dan bersyukur di atas nikmat kurniaan Allah.
- Ketiga : Sesungguhnya sabar adalah anugerah terindah yang menjanjikan pelbagai kurniaan dan ganjaran di sisi Allah SWT khusus bagi mereka yang berjaya menghadapinya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ  
عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ

*"Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu; siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat)".*

(Al-Mulk : 2)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ



الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّينِ  
عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُؤَيِّدَ عَهْدَ سَلَاعُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ



إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَإِلْكَرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ  
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى  
وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru, kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.



Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ  
وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.